

BUKAN TULISAN DAN PAKAIAN RUMI!

(oleh Pa'wa Pengasuh)

Saya telah baca majalah "Hiburan" bilangan 256

yang menyiarkan makalah Tuan Jim. Tuan penulis itu mengatakan bahawa persidangan ahli-ahli persuratan telah memutuskan tulisan rumi itu akan dipakai oleh am dengan tidak meninggalkan tulisan Jawi, tetapi persidangan yang tersebut atau mana-mana satu kumpulan Melayu belum lagi menetapkan apa pakaian-pakaian kita Melayu hendak dirasmikan namanya dan oleh yang demikian sukalah ia mengesyorkan sementara mendapat ketetapan itu adalah baju kot, seluar kot dan tali leher yang mulai banyak orang-orang Melayu memakainya patut dikatakan pakaian "Rumi" tatkala pakaian Melayu yang sebenar sebagaimana kita pakai sekarang ini digelar pakaian "Jawi".


Bagi diri sendiri walaupun saya tahu bahawa apa-apa syor saya tidak mesti diturut oleh orang ramai, akan tetapi saya orang Melayu, bangsa dan bahasa serta tulisan saya pun Melayu, tidaklah agaknya menjadi salah saya menyampuk pada mengesyorkan tentang tulisan-tulisan dan pakaian-pakaian bangsa saya.

Adapun berkenaan dengan nama tulisan "Rumi" itu sudah kena betul kepada tempatnya akan tetapi tulisan kita yang berhuruf Arab itu dirasmikan dengan nama tulisan "Jawi" itu saya serta beberapa orang-orang Melayu yang kasihkan bangsanya "Melayu" tidak merasa senang hati bila dikatakan tulisan Melayu digelar tulisan "Jawi" kerana sesungguhnya kita dan raja-raja kita di Semenanjung ini bukan berbangsa Jawa dan tulisan kita sangat berlainan rupanya sejauh langit dengan bumi. Adapun tulisan Jawa yang sebenarnya berupa seakan-akan tulisan Tamil atau India Asli yang agak-agaknya ditiru daripada tulisan India Tua itu dan sekarang orang-orang Jawa meniru pula tulisan Belanda yang telah

menakluki Pulau-pulau Jawa dan Sumatera termasuklah segala gugusan Pulau-pulau yang berhampiran di sana yang semuanya sudah dahulu beratus-ratus tahun di bawah kuasa Belanda- tulisan

"Rumi" itulah dimulia dan dimajukan walaupun begitu kemajuan yang sudah menjadi darah daging saudara-saudara kita di Indonesia itu nampak-nampaknya berupa kesalan jika kita perhatikan makalah-makalah Tuan "HAMKA" di dalam majalah "Qalam". Tuan Hamka ini ialah seorang pujangga Indonesia yang sangat dikenali oleh ahli-ahli persuratan di Malaya ini. Mengapakah tulisan Melayu kita hendak digelar tulisan Jawi? Adapun sebutan "Jawi" itu datangnya daripada sebutan "Jawa" menurut tulisan Arab yang menggantikan huruf "Alif" dengan Ya yang tidak bertitik di bawahnya, seperti Musa, Yahya dan Isa lain-lain lagi dan perkataan-perkataan Ihda -Ukhra- Ila- Ala-Taala dan banyak yang lain-lain lagi "ya" itu menggantikan "alif" (alif) berbunyi sebutan di atas, bukan sebutan ke bawah seperti "hatta" tidak disebut "hatti" (atau hati). Orang-orang Melayu yang dahulu-dahulu itu tersangka "Jawa" itu "Jawi" dan kita orang-orang Melayu sekarang pun menyebut "Jawi".

Sekarang marilah kita bersama-sama kajikan perkara pakaian Melayu kita pula:- Maka adapun pakaian-pakaian Melayu kita yang kebiasaan dipakai pada hari-hari Kebangsaan seperti juga di majlis-majlis jamuan khas bagi orang-orang Melayu sahaja itu patutlah dan sesuaiilah dikatakan pakaian "Melayu" jangan dikatakan pakaian Rumi kerana pakaian orang-orang Rom zaman-zaman dahulu sangat berlainan daripada bagi mereka itu yang ada pada zaman ini! Tentang pakaian baju kot, seluar pentelon, tali leher dan apatah lagi topi itu patut digelar "Pakaian Malayan" kerana pada masa ini semua bangsa yang berlain-lainan bahasa, adat resam dan agama suka memakainya. Dan lagi bangsa-bangsa dagang yang bukan Melayu itu sememang telah ada banyak syor-syornya bahawa sekalian orang-orang penduduk



Demikianlah indahnya pemandangan bahagian dalam Masjid Nabawi Madinah Al-Manurah tempat terpancarnya sinaran Islam ke seluruh dunia.

Malaya (termasuklah setengah mereka yang di Singapura) hendak dijadikan satu bangsa sahaja dengan bersamaan hak dan kuasa dalam hal-hal siasah dan pergaulan dengan umat-umat Melayu yakni sekaliannya menjadi “Malayan”. Oleh yang demikian tidakkah patut dan sesuai jika yang bukan pakaian Melayu betul itu digelar “pakaian Malayan”?

Nampaknya Tuan Jim itu terlupa tentang pakaian-pakaian perempuan Melayu kita yang banyaknya telah berubah, berbaju nipis dan jarang dengan macam-macam jenis potongannya ditambah pula dengan rambut dikerat pendek dan dikerintingkan sebagai pertunjukkan kepada orang ramai di jalan-jalan raya pada halnya mereka itu mengaku bangsa Melayu dan beragama Islam! Tidakkah rambut perempuan itu sebahagian daripada aurat-auratnya yang wajib dilindungkannya daripada mata lelaki di jalan-jalan raya itu? Pakaian-pakaian yang semacam ini pun patut dikatakan pakaian “pakaian Malayan”.

Hendaklah ingat! Sungguhpun kata peribahasa Melayu: “Bahasa menunjukkan bangsa”, iaitu tentulah tatkala bercakap akan tetapi terlebih dahulu daripada bercakap itu, pakaian seorang itulah yang menunjukkan bangsanya – Jika lelaki Melayu

ialah songkoknya dan yang perempuannya ialah tudung kepalanya. Kerana sebelum rapat dan sebelum orang itu berkata-kata adapun yang kita nampak dahulu ialah pakaiannya (terkecuali seorang yang kita telah kenal biasa). Sesungguhnya jika dari jauh nampaknya serupa sahaja tidak dapat ditentukan apa bangsanya, Cina, Melayu, Nasrani, Yahudi, India atau Eropah kerana berpakaian serupa sahaja.

Kenal akan Allah kenallah diri

Agama Islam pun sempurna berdiri

Bangsa dan watan wajib dipeliharai

Kesenangan dunia dan akhirat Allah memberi.

Asuhlah anak isteri pun serta

Supaya namanya jangan menjadi lata

Buruk baiknya tanggungan kita

Akhlah yang elok itulah permata.

Dunia sudah berakhir zaman

Cari harta kukuhkan iman

Taat menjunjung segala firman

Di dunia di akhirat tentulah aman.